

Mahathir cabar

11 M 27 JUL 1993

Oleh
SAROJI MOKHTAR

KOTA BAHARU 26
Julai — Perdana
Menteri Dato' Sri
Dr. Mahathir Mohamad
mencabar Kerajaan Ke-
lantan pimpinan Pas me-
laksanakan hukum hu-
dud sebagaimana yang di-
janjikan kepada rakyat.

Katanya, bagi orang Is-
lam setiap yang berjanji
mesti ditunaikan dan ja-
ngan pula cuba menya-
lahkan pihak lain kerana
tidak mampu melaksana-
kannya.

Berucap di Perhimpun-
an Barisan Nasional (BN)
Kelantan di Dewan Per-
nigaaan Cina di sini petang
ini, beliau berkata, cabar-

an itu dibuat kerana Pas
yang membuat janji.

"Apakah hukum pada
orang yang berjanji tetapi
tidak ditunaikan," ujar
Pengerusi Badan Perhu-
bungan UMNO Kelantan
itu dengan mendapat tep-
ukan bergemuruh dari-
pada kira-kira 2,000 yang
hadir.

Beliau yang juga Presi-
den UMNO menambah,
sebenarnya Pas bercakap
pasal hudud hanya untuk
memancing undi.

Katanya, yang meng-
hairankan hukum hudud
masih belum dapat dilak-
sanakan dengan alasan
rakyat masih belum fa-
ham.

"Kenapa mereka baru
sekarang bercakap begitu

sedangkan semasa kem-
pen dulu mereka bercak-
kap memberitahu rakyat
di kampung-kampung la-
in," ujarnya.

Bukan itu sahaja, tam-
bahnya, malah mereka
pula memberitahu ma-
syarakat Cina yang mere-
ka hendak melaksanakan
hukum hudud kerana de-
sakan UMNO.

Katanya, jadi nampak-
nya mereka hendak lak-
sanakan hudud kerana
desakan UMNO dan bu-
kan berpegang kepada
ajaran Islam.

"Kenapa dalam kempen
dulu mereka tidak cakap
begitu kerana bimbang
rakyat tidak memilih me-
reka," tambahnya.

■ Lihat muka 2

Pas

Mahathir cabar Pas

UM 27 JUL 1993

Perdana Menteri berkata, mereka sudah pun diberikan kuasa yang merupakan satu ujian pada mereka untuk melaksanakan apa yang dijanjikan.

Mengenai kenyataan Menteri Besar, Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahukan ulama memerintah Kelantan sampai kiamat, Mahathir menyifatkannya sebagai 'takbur'.

"Tidak ada siapa boleh kata begitu, kita hendak jayakan Wawasan 2020 pun jika diizinkan Tuhan," tegasnya.

Katanya, Kerajaan Kelantan berjanji macam-macam termasuk lesen tidak payah bayar dan sebagainya yang semuanya tidak betul.

"Saya tidak tahu kenapa ada orang percaya kepada orang macam ini. Apakah kerana dia memakai serban atau berjanggut, kalau pakar serban kita pun ramai juga," ujarnya.

"Jangan percaya semata-mata kerana dipanggil tok guru, kita pun ramai tok guru ada yang berserban dan berjanggut orang inilah yang boleh dipercayai.

Katanya, manusia mempunyai banyak kelemahan dan tidak ada yang berkebolehan dalam semua bidang.

"Kalau tanya saya pasal agama saya nun tahu sedikit sebanyak. Saya nun belajar juga. Kalau orang bohong pasal agama saya pun tahu... tetapi tidaklah sampai mengajar, kerja mengajar itu kerja dia (Nik Aziz)".

Kalau memerintah saya tahu sedikit sebanyak, berilah kepada saya, dia tu mengajar sudahlah," katanya lagi dengan mendapat tepukan para hadirin.

Sehubungan ini, Mahathir berkata, setiap orang hendaklah menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing.

"Kalau suruh peguam belah kaki susahlah, begitu juga kalau suruh doktor masuk mahkamah untuk jadi peguam pertahankan seorang... kalahlah kerana tidak kena pada tempatnya.

"Yang menjadi masalah di Kelantan bukan orang itu tidak ada pelajaran, tetapi dia pandai dalam satu bidang dan bagi seseorang yang ikhlas, jujur berpegang pada agama Islam mesti mengaku kelemahan.

"Saya tidak hendak mengaku saya boleh buat semua ada yang saya buat salah kerana kita manusia biasa, tetapi banyak yang saya buat itu betul," ujarnya.

Bersabar

Beliau juga berharap kalangan orang Kelantan yang mahukan orang negeri itu menjadi Perdana Menteri, supaya bersabar.

Katanya, sesiapa pun boleh menjadi Perdana Menteri tanpa mengira negeri asal usul mereka.

"Politik bukan untuk orang itu dan ini, tetapi untuk negara... untuk semua... bagi menentukan sebuah kerajaan yang bermaruah," katanya yang jelas ditunjukkan kepada Semangat 46.

Beliau menyeru ahli-ahli Semangat 46 supaya menyertai UMNO kerana mereka tidak dapat berbuat apa-apa berada dalam kerajaan Pas.

"Rozali Isohak hanya dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar kedua... bukan satu... tidak dapat berbuat apa-apa," ujarnya.